

# KENYATAAN MEDIA

**TAJUK : i. RAKYAT HAMPAS, TERTIPU  
ii. BUKTI KERAJAAN NEGERI GAGAL**

**AKHBAR : SINAR HARIAN**

**TARIKH : 9 FEBRUARI 2018**

1. Kerajaan Negeri telah mensasarkan sebanyak 15,000 unit Rumah Selangorku untuk dibina. Walau bagaimanapun setakat Januari 2018 pembinaan Rumah Selangorku telah mencapai 24,834 unit yang mana 3,620 unit daripadanya telah siap dan selebihnya dijangka akan siap secara berperingkat sehingga tahun 2021.
2. Jawatankuasa Teknikal Pemantauan Pembangunan Rumah Selangorku (JTPPRS) akan mengemukakan laporan pemantauan setiap tiga (3) bulan bagi kesemua projek-projek Rumah Selangorku yang telah diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) dalam usaha memastikan ianya dapat dibina secara *Fast Track*. Bilangan projek yang telah mendapat Kebenaran Merancang serta di peringkat Pelan Bangunan adalah 179 projek yang merangkumi 100,533 unit. Projek ini dijangka akan dibina mulai pada tahun semasa. Untuk 9 projek yang dibatalkan ianya hanya melibatkan 2,388 unit (2.3%) sahaja. Syarikat-syarikat kerajaan seperti Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS), Tetuan Worldwide Holding Berhad dan selainnya akan tetap disyaratkan untuk membina Rumah Selangorku dalam memastikan polisi negeri sentiasa diutamakan.
3. Selain daripada penawaran Rumah Selangorku, Kerajaan Negeri melalui Inisiatif Peduli Rakyat telah meluaskan dan memperkenalkan program Pendemokrasian Perumahan melalui Program Smart Sewa dimana 30% bayaran sewaan akan dikembalikan kepada penyewa. Program Smart Sewa telah mendapat sambutan terutamanya dikalangan belia. Setakat ini sebanyak 220 unit telah disewakan dengan keluasan tidak kurang daripada 700 kaki persegi beserta tiga (3) bilik tidur.

Disediakan oleh :  
Unit Korporat & Aduan (UKA)  
Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor